

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN RUBIAH  
BINTI HAJI WANG**

**[KOTA SAMARAHAN]**

**NO. SOALAN : 178**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan perancangan Kementerian untuk  
mengatasi masalah bekalan air bersih yang dihadapi di  
daerah Asajaya dalam Parlimen Kota Samarahan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.86 billion untuk pelaksanaan projek BALB di negeri Sarawak dari tahun 2010-2014.

Untuk daerah Asajaya, terdapat 6 buah projek yang telah dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak RM87.46 juta. Kesemua projek ini telah dan hampir siap dilaksanakan.

Selain itu, Kementerian ini juga akan mempertimbangkan pelaksanaan projek Saluran Paip Utama dari Loji Batu Kitang ke Tangki Bukit Entinggan serta sebuah Tangki Air di Batu 9¾ untuk mengatasi masalah bekalan air di Asajaya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek tersebut adalah bergantung kepada kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk pelaksanaan dalam RMKe-11 kelak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[ TANJONG MANIS ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah strategi dan rancangan Kementerian untuk mengekalkan harga rumah kos rendah dan sederhana atau pun rumah mampu milik (RMM) di bawah RM100,000 di seluruh negara bagi membolehkan lebih ramai rakyat menjadi pemilik rumah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menstabilkan harga di seluruh negara, Kerajaan telah melaksanakan strategi-strategi atau *cooling measures* seperti yang berikut:-

- (i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM 500,000 kepada RM 1 juta;
- (iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli; dan
- (iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme (DIBS)*.

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) 70% bagi mengurangkan spekulasi dari mereka yang membeli lebih dari 2 rumah di mana mereka ini akan hanya mendapat pinjaman sebanyak 70% manakala selebihnya perlu dibayar sendiri.

Mulai 1 Januari 2014 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenakan syarat baharu dalam semua lesen pemajuan yang mewajibkan semua pemaju melaporkan pembelian melebihi 4 hartanah dalam satu pemajuan oleh seorang individu atau syarikat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**  
**DARIPADA** : **YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN (TANJONG MANIS)**  
**SOALAN** : **180**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah cara (*method*) yang diguna pakai oleh Jabatan Kimia dalam siasatan analisa untuk menentukan status produk halal memandangkan dalam kes coklat Cadbury, cara (*method*) analisa menentukan status halal oleh Jabatan Kimia ini tidak dimaklumkan kepada orang awam/rakyat.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di - Pertua,**

Ingin dimaklumkan bahawa penentuan status halal sesuatu produk adalah di bawah bidang kuasa JAKIM. Pihak Jabatan Kimia Malaysia (JKM) merupakan satu-satunya makmal analisis bagi persijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Dalam kes coklat Cadbury, JAKIM telah menghantar sampel ke JKM untuk dianalisis. Prosedur yang digunakan oleh JKM bagi kerja analisis adalah seperti berikut:

(i) **Pengekstrakan DNA dari sampel menggunakan kaedah CTAB-Wizard**

Sampel coklat (yang telah dihancurkan) di ekstrak DNANYa, ditulenkan dan ditentukan kuantiti DNA agar ia mencukupi dan sesuai untuk dianalisis.

(ii) **Ujian Saringan jenis DNA sama ada haiwan ataupun bukan**

Ekstrak DNA yang telah melalui proses (i) tadi akan melalui proses *polymerase chain reaction* (PCR) menggunakan set pasangan *primer universal* (primer *cytb* 1 dan 2) untuk memastikan kehadiran DNA haiwan atau tidak.

(iii) **Ujian Pengesahan DNA untuk menentukan jenis haiwan iaitu babi atau bukan babi**

Ujian pengesahan DNA babi dilakukan dengan melakukan dua proses PCR berikut:

- a. Proses PCR menggunakan set pasangan primer spesifik (SimP) untuk DNA babi; dan
- b. Proses *Real Time* PCR (RTPCR) menggunakan set primer – *probe* spesifik untuk DNA babi. Dalam ujian ini primer yang digunakan ialah Pork F/Pork R dan *probe* yang digunakan ialah Taqman MGB.

Analisis ini dijalankan dalam tiga replikat dan keputusan analisis yang diperoleh mengesahkan tiada DNA babi di dalam sampel coklat *Cadbury* tersebut.

Proses pengekstrakan, ujian saringan dan ujian pengesahan dalam Kaedah Analisis DNA ini telah dilaksanakan oleh Pegawai Sains yang bertauliah dan juga proses-proses tersebut telah mendapat akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS/ ISO 17025 pada tahun 2012 daripada Jabatan Standard Malaysia.

Sekian, terima kasih